

UCAPAN

**Yang Berbahagia Prof Datuk Mohd Yusof Bin Kasim
Pengerusi Lembaga Pengarah
Maktab Koperasi Malaysia**

MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

**Pada
15 Februari 2018 (khamis)
12 Tengah hari**

**Di
Auditorium Dato' Abd Majid**

Terima Kasih Kepada Pengacara Majlis

**Yang Berbahagian Dato' Sri Jamil Bin Salleh
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**

**Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Samat Bin Kasah
Timbalan Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dato' Dr Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik
Ketua Pengarah
Maktab Koperasi Malaysia**

**Yang Berbahagia Dato' Seri Setia Raja Dato' Haji Mohd Aiseri Bin Alias
Pengerusi MKM Global Holding Sdn Bhd (MKMGH) Merangkap
Anggota Lembaga Pengarah MKM**

Anggota Lembaga Pengarah MKM dan MKMGH

**Barisan Pegawai KPDKKK, SPRM dan MKM, Warga Kerja MKM dan MKMGH
Serta Rakan Media**

Assalamualaikum Warahmatullahi Warakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah dan kurniaaNya, dapat kita berkumpul dalam **Majlis Ikrar Bebas Rasuah warga Maktab Koperasi Malaysia (MKM)** dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tengahari ini.
2. Di kesempatan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada **YBhg Dato' Sri Jamil Bin Salleh, KSU KPDKKK** yang dapat meluangkan masa menghadiri majlis yang bersejarah ini. Terima kasih juga kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya kepada **YBhg Dato' Haji Abdul Samat Bin Kasah, Timbalan Pensuruhjaya**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia kerana kesudian beliau menjayakan bersama majlis yang penting ini dan ia merupakan majlis yang julung-julung kalinya diadakan di Maktab Koperasi Malaysia.

3. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada pengurusan dan warga kerja MKM yang akan **melafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah** pada hari ini yang mana usaha murni ini akan menjadi tanda aras yang baharu kepada seluruh warga MKM dan MKMGH.
4. Ikrar Bebas Rasuah merupakan satu inisiatif yang telah dibuat oleh pihak SPRM bagi tujuan untuk memberi penekanan dan meningkatkan iltizam untuk kita semua yang hadir bagi menjauhi penyalah gunaan kuasa khususnya rasuah. Majlis sebegini turut dilaksanakan di pelbagai kementerian, Jabatan dan Agensi.
5. Maka itu, MKM turut mengambil langkah yang sama untuk berikrar serta komited untuk bersama-sama memerangi rasuah dan salah guna kuasa dalam keseluruhan operasi dan pengurusan MKM.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Saya difahamkan bahawa Ikrar Bebas Rasuah atau dikenali sebagai IBR ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh pihak SPRM hasil cetusan idea **Ketua Pesurujaya SPRM, Tan Sri Datuk Dzulkifli Bin Ahmad** dan inisiatif ini perlu dilaksanakan oleh semua pihak.
7. Ikrar Bebas Rasuah ini memberi penekanan kepada ikrar dan akur janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela agar sentiasa komited dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas serta berusaha menjauhi diri daripada perlakuan rasuah.
8. Alhamdulillah kerana warga MKM sentiasa mengambil berat mengenai isu-isu yang berkaitan rasuah. Sehingga kini, MKM masih dapat mengawal dari berlakunya aktiviti yang berunsur rasuah dalam setiap tugas yang dilaksanakan.

9. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan khususnya yang berkaitan usaha menjauhi diri dari perlakuan rasuah seperti taklimat intergriti, ceramah berkaitan kesan penyalah gunaan rasuah, ceramah agama dan sebagainya.
10. Pada masa yang sama, beberapa program susulan juga sedang dirancang oleh **Unit Integriti MKM** bagi memastikan agar semua warga MKM dapat menjauhi apa jua amalan yang boleh menyumbang kepada berlakunya amalan rasuah.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

11. Namun begitu, sebagai manusia yang lemah kadang kala kita terlupa akan hal yang menyalahi peraturan khususnya berkaitan rasuah. Majlis yang kita adakan pada hari ini merupakan satu wadah yang terbaik agar diri kita sentiasa akur dan sentiasa mengingati diri sendiri supaya menjauhi diri dari melakukan amalan yang mempunyai unsur rasuah.
12. Sebagai pemimpin organisasi, ketua jabatan, ketua bahagian dan ketua unit malahan sebagai ketua keluarga, perlu menyedari bahawa setiap hari, setiap waktu dan ketika, kita akan berhadapan dengan tugas yang boleh mengundang berlakunya aktiviti rasuah.
13. Perlakuan rasuah boleh berlaku tanpa kita sedari. Rasuah mungkin boleh berlaku tanpa melibatkan duit tetapi ia juga berlaku melalui perkara-perkara lain seperti penerimaan sumbangan, penajaan program, bantuan, hadiah dan sebagainya.
14. Justeru itu, saya sentiasa berharap dan berdoa agar kita yang hadir pada hari ini khususnya kepada warga MKM dan MKMGH agar dapat menjauhkan diri dari melakukan sebarang perlakuan rasuah selama mana kita bertugas di MKM.

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Sejak akhir-akhir ini, banyak kita melihat serta mendengar di media massa berkaitan tangkapan dan pendakwaan pihak SPRM berkaitan jenayah rasuah di kalangan penjawat awam sehingga ada yang membabitkan jutaan ringgit. Kesalahan ini bukan sahaja melibatkan

pegawai di peringkat atasan malahan turut membaitkan kumpulan pelaksana.

- 16.Semua orang telah mengetahui bahawa perbuatan rasuah bukan sahaja salah di sisi undang-undang malahan ia sangat ditegah keras dalam agama. Perbuatan rasuah juga akan menyebabkan imej, persepsi dan kepercayaan masyarakat kepada sesuatu organisasi akan terjejas.
- 17.Akhir kata, marilah kita bersama-sama berjanji serta berusaha agar amalan rasuah dan salah guna kuasa dapat kita hindari bukan sahaja kepada diri kita sendiri malahan seluruh organisasi Maktab Koperasi Malaysia dan warganya buat selama-lamanya.
- 18.Tanamkan prinsip di dalam diri kita semua bahawa rasuah tidak akan berlaku sekiranya tiada orang memberi dan tiada orang yang menerima. Maka itu, elaklah diri kita dari memberi dan menerima rasuah dalam apa jua keadaan.
- 19.Semoga kita semua terus diberikan kesihatan yang baik dan kekuatan untuk melaksanakan amanah yang diberikan sebaik mungkin.
- 20.Bersama-samalah kita berdoa semoga segala usaha yang kita laksanakan ini mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.
- 21.Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.